

# Rancakkan projek ekonomi belia di pedalaman



Hussin Mohamad turut mencuba nasib dalam pertandingan memancing.

**Tauke ikan air tawar idam jadi pengeluar dan pembekal utama dalam dan luar negara**

AKMALIAH RAZAK

## GUA MUSANG

**K**ampung Kesedar Chalil, terletak 22 kilometer (km) di pedalaman melalui laluan utama Jalan Gua Musang - Kuala Krai.

Terletak jauh di pedalaman, perkampungan ini perlu menelusuri laluan bersimpang-siur serta berbukit yang mana kiri kanannya hanya hutan dan ladang.

Penduduk di kampung ini perlu keluar ke Bandar Chiku 3, atau Paloh untuk mendapatkan keperluan asas kerana untuk ke Gua Musang, ia

memakan jarak hampir 80km.

Bukan tiada peniaga di kawasan berkenaan, namun bekalan yang ada terhad dan lebih mahal kerana peniaga juga perlu keluar mendapatkan barangan.

Atas kesukaran ini serta minat yang mendalam dalam asas perusahaan, 10 anak muda memilih untuk mengusahakan ternakan ikan sangkar di tanah berkeluasan 0.2 hektar di sini.

Menurut Pengerusi Pakatan Belia Kampung Chalil, Nik Suriadi Mohd Rasdi, dia dan sembilan rakannya mula mengusahakan ternakan ikan air tawar dalam kolam tanah ini sejak tiga tahun lalu.

Katanya, sehingga kini, dua kolam yang dilengkapi 20 sangkar itu mempunyai hampir 60,000 ikan air tawar dari jenis keli, puyu dan talapia merah.

"Kami bermula dengan pelaburan RM30,000 dan sepanjang tiga tahun ini, kami berjaya meraih pengeluaran hasil sebanyak RM53,060 bagi 5,930



Johan memancing, Hamzah Jusoh, menerima hadiah daripada Ketua AMK, Anuar Jusoh.

kilogram (kg) ikan.

"Setakat ini, kami mempunyai 40,000 ekor keli, 12,000 ekor puyu dan lebih 2,000 ekor talapia merah.

"Pada tahun pertama pengeluaran hasil iaitu 2016, kolam kami mengeluarkan hasil 16,360 ekor dan pada tahun lalu, ia meningkat kepada 25,500 ekor," katanya.

Tambah Suriadi, pada tahun ini sehingga Mei, sebanyak 11, 200 ekor ikan dari pelbagai jenis sudah dijual dan bilangan itu akan bertambah dari masa ke semasa.

"Sebelum ini, kami juga mendapat bantuan perikanan iaitu 2,000 ekor benih ikan talapia untuk ditenak. Selain itu, kami tidak menerima apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak.

## Pasaran di dalam kampung sahaja

Tambah Suriadi, ini merupakan salah satu projek ekonomi belia di kawasan berkenaan kerana permintaan ikan air tawar sangat tinggi.

Katanya, sebelum ini, penduduk mendapatkan bekalan ikan air tawar di Paloh dan sekitar kawasan di Gua Musang.

"Memandangkan kami jauh di

pedalaman, saya fikir ia adalah usaha yang baik dan boleh dikembangkan kepada penduduk di luar kawasan.

"Alhamdulillah, projek ini berjaya di mana permintaan melebihi pengeluaran meskipun kami hanya memasarkan ikan di kampung sahaja.

"Ternakan kami belum dipasarkan ke luar kawasan ini kerana ia cukup-cukup menampung keperluan penduduk di sini sahaja," katanya lagi.

Tambahnya, hasil pengeluaran yang terhad membuatkan mereka tidak mampu memenuhi permintaan daripada peruncit dan pemborong.

"Ada pemborong yang bertanya dan merisik untuk membawa keluar produk kami untuk dipasarkan namun ia masih tidak mencukupi.

"Bukan sahaja kekangan dari segi kewangan, malah kami juga memerlukan kolam yang lebih luas lagi untuk menempatkan benih ikan," katanya lagi.

## Pertandingan memancing tarik minat

Sebagai salah satu cara tarikan, Pakatan Belia Kampung Chalil juga turut menganjurkan pertandingan memancing di kolam berkenaan, terbuka kepada penduduk setempat.

Meskipun pertama kali diadakan



SURIADI



Pertandingan memancing mendapat penyertaan lebih 70 peserta dalam kalangan penduduk kampung.